

D981

R B952 AAB  
MAHATHIR - RAKYAT

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEBEBASAN DAN DEMOKRASI DI NEGARA INI HENDAKLAH MENGAMBIL-KIRA KEPENTINGAN RAKYAT MAJORITI YANG JARANG BERSUARA.

PERDANA MENTERI BERKATA AMALAN INI HENDAKLAH DIJAGA SUPAYA KEPENTINGAN MEREKA YANG JARANG BERSUARA TIDAK DITINDAS OLEH GOLONGAN ATAU BADAN MINORITI YANG AKTIF.

+KITA MENGAMALKAN KEBEBASAN YANG MEMBAWA MANFAAT UNTUK KESELURUHAN RAKYAT DAN JUSTERU ITU KEBEBASAN YANG DIAMALKAN OLEH SESEORANG INDIVIDU ATAU KUMPULAN KECIL HARUSLAH TIDAK MENGANCAM KESEJAHTERAAN MASYARAKAT,+ KATANYA.

NEGARA TIDAK DAPAT MENERIMA KEBEBASAN SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH BEBERAPA NEGARA MAJU SEHINGGA MASYARAKAT MUNGKIN MENJADI MANGSA TINDAKAN MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG DIBUAT ATAS NAMA KEBEBASAN, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA KE-35 DI DEWAN SAN CHOON DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA: +RAKYAT MENERIMA KONSEP DEMOKRASI DENGAN SEMPADAN-SEMPADAN YANG WAJAR SUPAYA KEPENTINGAN MAJORITI TERPELIHARA TANPA MENGETEPIKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT KUMPULAN MINORITI YANG BENAR-BENAR BERGIAT MENGIKUT LUNAS-LUNAS DEMOKRASI.+ -- LAGI  
1306MST 31 07 88

R B954 AAB  
MAHATHIR - RAKYAT 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN MEMBETULKAN PARA PERTAMA)

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional (BN) BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJUMUK BANYAK PERKARA SENSITIF YANG PERLU DIURUSKAN SECARA PENUH DIPLOMASI DAN KEJUJURAN SUPAYA IA TIDAK DIPERALATKAN SEHINGGA MENIMBULKAN MASALAH.

DISEBABKAN ITULAH, KATA BELIAU, BN LEBIH SUKA MEMBINCANGKAN PERKARA YANG SENSITIF SECARA TERTUTUP DAN TERTIB UNTUK MENCAPAI PERSETUJUAN YANG TIDAK MEMBERATKAN MANA-MANA PIHAK DI SAMPING IA BOLEH DITERIMA OLEH MAJORITI PIHAK TERLIBAT.

SISTEM MAJORITI TIDAK BOLEH DIGUNAKAN KERANA PERWAKILAN DALAM BN TIDAK MENGIKUT PERATURAN PARTI ATAU KAUM MASING-MASING YANG MENGANGGOTAINYA, KATANYA Sambil menegaskan bahawa proses diplomasi dan konsensus yang diamalkan menghasilkan pelbagai kejayaan dalam menguruskan perkara-perkara sensitif.

+JIKA KITA BERSABAR DAN BERUSAHA Mencari jalan keluar melalui tolak ansur, keputusan yang matang akhirnya dapat dicapai dan kita harus meneruskan cara dan saluran yang telah kita wujudkan ini demi kepentingan masyarakat dan negara,+ KATA BELIAU.

MENGENAI EKONOMI NEGARA PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK DUA TAHUN LEPAS KEADAANNYA TELAH MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN YANG MENGGALAKKAN. -- LAGI

1318MST 31 07 88

0014

R B971 DEB  
MAHATHIR - RAKYAT 3 KUALA LUMPUR

SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU MENGGESA SEMUA PIHAK MEMASTIKAN PEMULIHAN EKONOMI NEGARA TERUS BERJALAN LANCAR DENGAN MENGELAK MELAKUKAN PERKARA ATAU MELUAHKAN KATA-KATA YANG MUNGKIN SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG AKAN MENGGUGATNYA.

PADA MASA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, HARGA BARANGAN KOMODITI NEGARA DAN EKSPORT NEGARA TERUTAMA BAGI BARANGAN ELEKTRONIK DAN TEKSTIL MENINGKAT DENGAN MENGGALAKKAN SEHINGGA BARANGAN PEMBUATAN MERUPAKAN EKSPORT BARANGAN TERBESAR NEGARA PADA TAHUN LEPAS.

BAGAIMANAPUN, ADA SESETENGAH PIHAK MENYATAKAN PEMULIHAN EKONOMI ITU BUKAN HASIL PERANCANGAN KERAJAAN TETAPI SEMATA-MATA KERANA PERMINTAAN DARI LUAR MENINGKAT, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BANYAK JUGA NEGARA YANG TIDAK MENDAPAT FAEDAH DARIPADA KENAIKAN HARGA KOMODITI ITU KERANA KEADAAN DALAM NEGARA BERKENAAN TIDAK MENGIZINKAN.

+OLEH KERANA KITA MENGURUSKAN POLITIK DAN EKONOMI DENGAN BERHATI-HATI, BERJIMAT-CERMAT MEMBELANJAKAN WANG DAN BERUSAHA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, KITA TELAH DAPAT MERAH KEUNTUNGAN DARIPADA PEMULIHAN EKONOMI DUNIA.

+SEWAKTU DUNIA MENGALAMI KEMELESETAN EKONOMI YANG TERUK SEHINGGA PERMINTAAN BARANGAN NEGARA BERKURANGAN PUN, EKONOMI NEGARA TIDAKLAH SEBURUK BEBERAPA BUAH NEGARA YANG BERBELANJA DENGAN TIDAK TERHINGGA SEMASA MEREKA MEWAH,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA DENGAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP ITU, NEGARA TELAH JUGA DAPAT MEMBAYAR HUTANG DENGAN LEBIH AWAL DARIPADA JADUAL DAN DENGAN ITU MENGURANGKAN BEBANAN NEGARA. -- BERNAMA  
1416MST 31 07 88